

MANUAL

CIDOS 4.0-BAGI PENYELARAS DAN PENSYARAH KURSUS



DISEDIAKAN UNTUK:

Pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti

DISEDIAKAN OLEH:

Siti Zubaidah bt Md Hamin
(Penyelaras e-Learning Jabatan Perdagangan, PUO)

MANUAL

CIDOS 4.0 – BAGI PENYELARAS DAN PENSYARAH KURSUS

CIDOS 4.0 – BAGI PENYELARAS DAN PENSYARAH KURSUS

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem perolehan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau cara, elektronik, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis daripada pemiliknya terlebih dahulu.

EDISI PERTAMA 2024

e ISBN 978-629-7635-34-7



POLITEKNIK UNGKU OMAR

(online)

DITERBITKAN OLEH:

POLITEKNIK UNGKU OMAR
JALAN RAJA MUSA MAHADI
31400 IPOH, PERAK
TEL: 05-5457656
FAKS: 05-5471162





PENULIS:

Siti Zubaidah bt Md Hamin merupakan pensyarah Politeknik Ungku Omar. Telah melebihi 12 tahun mengajar dan telah dilantik menjadi Penyelaras e-Learning di Jabatan Perdagangan, PUO sejak tahun 2017.

Selepas menggunakan manual ini,
mohon isi **SOAL SELIDIK** di link
<https://bit.ly/manualcidos> atau
menggunakan QR



MANUAL CIDOS 4.0

KATA PENDAHULUAN

Penyelaras kursus berperanan sebagai pengendali bagi platform cidos kursus masing-masing. Walaupun di dalam role penyelaras dan pensyarah-pensyarah lain adalah sama (teacher). Namun penyelaras boleh menyusun atur platform masing-masing untuk kursus tersebut. Manual ini digunakan untuk memudahkan penyelaras kursus dan semua pensyarah membuat penetapan di dalam platform CIDOS sebelum sesi pembelajaran bermula. Antara perkara yang perlu diuruskan sebelum pensyarah menyediakan bahan pengajaran ialah pensyarah perlu menguruskan di bahagian *setting* terlebih dahulu. Antara perkara yang perlu dilakukan adalah:

- mengemaskini *edit setting*
- mengurus *participant*
- bagaimana untuk create group mengikut kelas
- create enrolment key (password) mengikut group (merujuk kepada mengikut kelas)

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	1
1.1 Apa Itu CIDOS	1
1.2 Apa Itu LMS	1
1.3 LMS CIDOS 4.0 MOODLE 3.11	2
2.0 AKSES PLATFORM	3
3.0 CARA MENGAKSES LMS	4
4.0 MENGURUS PLATFORM.....	6
4.1 Penetapan <i>Edit Setting</i>	6
4.2 Penetapan <i>Self Enrolment</i>	8
4.3 <i>Create Group</i> Dan <i>Enrolment Key</i>	10
4.4 Reset Group Pensyarah.....	12
5.0 IMPORT PLATFORM CIDOS.....	13
6.0 CARIAN SUBJEK/KURSUS DALAM PLATFORM CIDOS BAGI PELAJAR	14
7.0 PAPARAN LAPORAN BLENDED PLATFORM	15
8.0 PENYEDIAAN BLENDED LEARNING DISTRIBUTION TABLE (BLDT)	18
8.1 Tatacara Memuat Naik Borang BLDT di CIDOS 4.0.....	18
9.0 PENUTUP	19
LAMPIRAN	20
Jadual 1- Carta Gantt Perlaksanaan CIDOS	20
Jadual 2: Pautan Youtube panduan Penggunaan CIDOS	21

1.0 PENGENALAN

Setiap POLYCC (Politeknik dan Kolej Komuniti) perlu menggunakan konsep pembelajaran teradun bagi menyokong pembelajaran bersemuka. Pembelajaran teradun adalah merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod online dan mod pembelajaran bersemuka

1.1 Apa Itu CIDOS

CIDOS atau nama penuhnya *Curriculum Information Document Online System* merupakan satu sistem pengurusan dokumen yang bertindak sebagai platform untuk memudahkan penerbitan kurikulum berkaitan maklumat secara digital untuk pensyarah dan pelajar politeknik. Untuk mencapai CIDOS politeknik, semua pengguna boleh melayari link pautan <https://polycc.cidos.edu.my/>. Versi terkini CIDOS yang digunakan oleh POLYCC adalah CIDOS 4.0



QR CIDOS

1.2 Apa Itu LMS

Learning Management System (LMS) atau dalam bahasa melayu sistem pengurusan pembelajaran merupakan satu aplikasi perisian untuk pentadbiran, dokumentasi, pengesanan, laporan dan penghantaran teknologi elektronik pendidikan. Ia juga dikenali sebagai e-learning.

1.3 LMS CIDOS 4.0 MOODLE 3.11

LMS CIDOS merupakan satu sistem pengurusan yang menggunakan perisian sumber terbuka. Ia dikenali sebagai MOODLE. LMS CIDOS digunakan untuk membangunkan bahan-bahan interaktif e-pembelajaran yang merangkumi sumber dan aktiviti pelajar. Sumber yang paling penting adalah menyediakan nota-nota (*Resource and Lesson*), dalam bentuk atau format HTML, *Microsoft PowerPoint* atau *Microsoft Word*. Versi LMS terkini yang digunakan di POLYCC adalah versi 3.11.



Gambar 1: Paparan muka hadapan LMS CIDOS. Selepas berjaya *login* CIDOS, sila klik LMS (di dalam bulatan kuning) untuk mencapai paparan LMS.


2.0 AKSES PLATFORM

Berikut merupakan jenis akses, peranan dan fungsi dalam platform CIDOS;

JENIS AKSES	PERANAN/ TANGGUNGJAWAB	FUNGSI
<i>Administrator</i>	Pegawai ICT Politeknik	Mentadbir CIDOS LMS keseluruhan PUO.
<i>Manager</i>	Penyelaras/ AJK e-learning	Mentadbir CIDOS LMS jabatan/ program masing-masing seperti <i>create</i> platform. <i>Assign</i> pensyarah di dalam platform.
<i>Teacher</i>	Pensyarah	Membuat <i>setting</i> , <i>command</i> (arahan) dan menyediakan sumber aktiviti pelajar.
<i>Student</i>	Pelajar	Melaksanakan aktiviti pembelajaran di CIDOS LMS
<i>Guest/ Tetamu</i>	Terbuka kepada sesiapa sahaja (bergantung kepada <i>setting</i> yang diwujudkan oleh pensyarah)	Melihat aktiviti yang diwujudkan di platform


3.0 CARA MENGAKSES LMS

Sebagai makluman, CIDOS dan LMS adalah perkara yang berbeza. Apabila anda *login* CIDOS, anda perlu Klik ke LMS bagi mengakses LMS. Ini bermakna terdapat dua *dashboard* iaitu *dashboard* CIDOS dan *dashboard* LMS. Sekiranya anda *login* CIDOS, secara langsung anda telah *login* LMS. Namun ada kalanya anda hanya perlu *Login* LMS tanpa perlu *Login* CIDOS sekiranya tempoh masa telah tamat.



Gambar 2: Paparan Login CIDOS

MANUAL CIDOS 4.0



Gambar 3: Paparan *Login LMS*

JANGAN KHUATIR!!!


Sekiranya anda mendapati paparan seperti di Gambar 3 muncul, ini bermakna anda terkeluar dari LMS, anda hanya perlu login semula menggunakan *username* dan *password* yang sama dengan Login CIDOS

4.0 MENGURUS PLATFORM

Platform kursus akan berada dalam LMS. Apabila anda megakses LMS, anda akan terus ke dashboard LMS serta Platform kursus anda akan terpapar setelah *Manager* disetkan sebagai *teacher*. Sebelum anda membangunkan bahan dan aktiviti pengajaran dalam platform, anda perlu menguruskan beberapa tetapan (*setting*) terlebih dahulu.

4.1 Penetapan *Edit Setting*

Edit setting adalah perkara asas berkenaan maklumat platform kursus seperti nama dan kod kursus, kategori kursus, *visibility*, *course start* dan *end date*, banner paparan kursus, format paparan dan lain-lain lagi. Perkara asas yang perlu pensyarah titik beratkan adalah nama kursus, kod bagi kursus masing-masing.

PAPARAN	PROSES
	Administration > Course Administration > Edit Setting

MANUAL CIDOS 4.0

The screenshot shows the 'Edit Course Settings' page in CIDOS 4.0. The left sidebar has 'Administration' selected, with 'Edit settings' highlighted. The main area shows:

- Announcements:** Sesi Pendaftaran 2023/2024
- Edit Course Settings**
- General:**
 - Course full name: DPF20023 BANK PRODUCT AND SERVICES
 - Course short name: DPF20023 SESI 2 2022/2
 - Course category: Sesi 1:2023/2024
 - Course visibility: Show
 - Course start date: 7 July 2023 00:00
 - Course end date: 6 July 2024 00:00 (Enable)
 - Course ID number: [empty]
- Description:**
 - Course summary: [Rich text editor]


Paparan **Edit Course Setting** akan keluar.
Pensyarah diminta mengemaskini maklumat ini antranya

1. *Course short name* adalah kod kursus dan sesi terkini.
2. Pastikan *Course end date* adalah sehingga sesi semester tamat
3. Boleh ubah paparan *layout*.

klik **save and display**

4.2 Penetapan *Self Enrolment*

Bagi membolehkan pelajar *enrol* sendiri ke dalam platform kursus, pensyarah perlu membuat penetapan di *self-enrolment* terlebih dahulu untuk memberi *command* kepada LMS supaya pelajar dibenarkan *enrol* dengan menggunakan *key* sahaja. Tanpa *key*, pelajar tidak akan dapat enrol platform kursus. Terdapat beberapa perkara yang pensyarah perlu lakukan terlebih dahulu.

PAPARAN	PROSES
	Administration > Users > enrolment methods
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Klik gambar mata untuk pastikan mata dalam keadaan terbuka (<i>enable</i>). Ia bertujuan bagi membolehkan pelajar nampak pilihan <i>self enrolment</i> semasa proses enrolment di dalam LMS 2. Klik setting

MANUAL CIDOS 4.0

The screenshot shows the CIDOS 4.0 Administration interface. On the left, there is a sidebar with various menu items under 'Administration'. The 'Self enrolment (Student)' option is selected. The main content area is titled 'Self Enrolment' and contains several configuration options:

- Custom instance name:
- Allow existing enrolments: Yes (selected)
- Allow new enrolments: Yes (selected)
- Enrolment key: Click to enter text
- Use group enrolment keys: No (selected)
- Default assigned role: Student
- Enrolment duration: 0 days
- Notify before enrolment expires: No

1.Pastikan pilih 'Yes' bagi:

- Allow existing enrolments*
- Allow new enrolments*
- Use group enrolment keys*

2.Tetapkan *enrolment key* (bebas) sebagai tetapan/*command* kepada kaedah *enrol* secara key sahaja dibenarkan untuk *access* platform.


3.*Default assigned role > student*


4.klik *save changes*

4.3 Create Group Dan Enrolment Key

Istilah *group* di dalam LMS merupakan kelas yang diajar mengikut semester. Walaupun hanya terdapat satu (1) kelas sahaja yang mengambil kursus ini, WAJIB untuk mewujudkan *group* dalam LMS.

Enrolment key merupakan *password* yang akan digunakan oleh pelajar semasa membuat *self-enrolment* bagi mengikuti semua aktiviti yang ada di dalam platform kursus. Sekiranya pelajar memasuki menggunakan password yang salah, pelajar tidak akan berjaya *enrol* kursus tersebut.

PAPARAN	PROSES
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Klik <i>Course management</i> 2. klik <i>Group</i> 3. Pilih ‘Create Group’ <p>-edit pada</p> <ul style="list-style-type: none"> i) <i>Group Name</i> = Nama kelas ii) Enrolment key = bebas -cadangan: Nama kelas@KOD SUBJEK <p>*enrolment key ini yang akan diberi kepada pelajar</p>





LEBIH MUDAH!!!

Sekiranya anda right click pada enrolment key dan copy link address kepada pelajar. Pelajar akan terus ke platform kursus (tanpa perlu mencari melalui jabatan dan program. pelajar terus masukkan password/ enrolment key

4.4 Reset Group Pensyarah



Setiap kelas pasti ada pensyarah yang mengajar. Begitu juga di dalam LMS. Semasa pensyarah di *enrol*, pensyarah masih belum di daftarkan ke kelas yang mengajar. Sebagai *Teacher* perlu setkan mengikut kelas masing-masing.

PAPARAN	PROSES
	Administration > Users > enrolled users
	<p>Pada ‘participants’,</p> <ol style="list-style-type: none"> 1.Cari nama pensyarah 2.Tukar group pensyarah dari ‘no group’ kepada kelas masing-masing 3.Klik <i>save</i> pada gambar disket

5.0 IMPORT PLATFORM CIDOS

Fungsi *Import* di dalam platform CIDOS 4.0 adalah untuk menyalin semula bahan dan aktiviti yang ada di platform lain ke dalam platform yang baharu. Sebagai contoh, bahan dan aktiviti di platform kursus DPA20053 sesi 1 2023/2024 di salin ke dalam platform kursus DPA20053 sesi 2 2023/2024.

Aktiviti ini dapat memudahkan penyelaras dan pensyarah kursus dalam membangunkan platform disetiap awal semester sekiranya ingin mengekalkan bahan yang sama seperti semester terdahulu.

PAPARAN	PROSES
 	<p>Administration > Import > Search</p> <p>*Search nama platform menggunakan <i>course short name</i></p>

6.0 CARIAN SUBJEK/KURSUS DALAM PLATFORM CIDOS BAGI PELAJAR

Ia bertujuan untuk memudahkan pelajar mencari subjek/kursus mereka di dalam platform CIDOS. Seperti sedia maklum, pendaftaran kursus di dalam LMS adalah mengikut jabatan, program dan seterusnya sesi pengajian. Oleh itu, pelajar perlu mengetahui Program *ownership* bagi subjek/ kursus yang ingin diakses masuk (*enrol*).

Sebagai contoh pelajar jurusan Diploma Perakaunan ingin enrol kursus DPB20053 Business Mathematics. Kursus ini di bawah seliaan Diploma Pengurusan Perniagaan. Oleh itu pelajar perlu memilih:


LMS > All Courses > Jabatan Perdagangan > Diploma Pengajian Perniagaan > Sesi Pengajian > DPB 20053

7.0 PAPARAN LAPORAN BLENDED PLATFORM


Terdapat dua (2) kategori status *blended learning* iaitu

- a. *Group Blended Status* Apabila kelas/group kursus memenuhi kriteria *blended*. Kelas tersebut dikira mencapai *blended*
- b. *Blended Status* Dikira apabila SEMUA kelas/group kursus memenuhi kriteria *blended*

Sesuatu platform akan blended sekiranya memenuhi syarat seperti di gambar berikut:



Gambar 4: Kriteria blended.



Gambar 5:Pilih menu dashboard untuk paparan status blended.

Proses paparan status blended seperti berikut:

Main page CIDOS > Dashboard > Blended Learning > Blended Report

Pilih:

Institution : PUO.

Department : JP.

Programme : pilih program kursus di daftarkan. CTH: Kursus DPA adalah kursus *ownership* DAT. Pilih DAT

BL Name : Sesi 1 2023/2024.

Klik *Search*

11	DPA30053 SFSI 1 2023/2024	ZURITA BT MUSTAFA ZURITA BT MUSTAFA SITI ZUBAIDAH BINTI HAMIN MR	DAT3AK1 DAT3BK1 DAT3AK2 DAT3BK2	21 13 22 19	100 % 100 % 100 % 100 %	100 % 100 % 100 % 100 %	88 % 100 % 100 % 100 %	<input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/>	
12	DPA30073 SESI 1 2023/2024	LIA OTIINA BT LIA CLIMA NORAINI BT ZAINUL ABIDIN ZAINUL ABIDIN HASZLINA BT HASHIM NORAINI BT ZAINUL ABIDIN ZAINUL ABIDIN	DAT3AK1 DAT3AK2 DAT3BK1 DAT3BK2	22 16 21 19	100 % 100 % 100 % 100 %	100 % 100 % 100 % 100 %	100 % 81 % 95 % 89 %	<input checked="" type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/>	

Gambar 6: Contoh *Group Blended Status* dan *Blended Status*

Daripada gambar 6, Kursus DPA 30053 memperoleh *blended status* kerana semua kelas memenuhi kriteria *blended*. Manakala DPA30073 tidak memperoleh *blended status* kerana terdapat satu (1) kelas iaitu DAT3AK2 tidak memenuhi kriteria *blended*.

8.0 PENYEDIAAN BLENDED LEARNING DISTRIBUTION TABLE (BLDT)

Sebelum sesi pembelajaran bermula, pensyarah perlu merancang pembelajaran bersesuaian dengan pembelajaran atas talian dari segi item *asynchronous*, *synchronous*, penilaian digital dan kelas secara bersemuka. Pensyarah boleh mencapai borang BLDT di link <https://bitly.ws/3aRft>



Borang BLDT

8.1 Tatacara Memuat Naik Borang BLDT di CIDOS 4.0

PAPARAN	PROSES
	<p>Main page CIDOS > Dashboard > Blended Learning > BLDT UPLOAD > ADD NEW:</p>
	<p>Isi semua maklumat seperti politeknik, jabatan, program, sesi (BL Name), Subjek, Group dan borang BLDT. Kemudian klik butang Save.</p>

9.0 PENUTUP

Manual ini dihasilkan dengan kandungannya disusun bagi membantu pensyarah dan pihak yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan CIDOS 4.0. Manual ini memberikan takrifan yang jelas serta panduan kepada pensyarah untuk membangunkan platform yang bermanfaat kepada pelajar. Ia bertujuan bagi memastikan kelangsungan aktiviti akademik dapat dilaksanakan dengan baik, seragam dan terancang dalam merealisasikan konsep pendidikan fleksibel yang merupakan *trend* pendidikan masa kini. Semoga proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

-TAMAT-

LAMPIRAN

Jadual 1- Carta Gantt Perlaksanaan CIDOS



Jadual 2: Pautan Youtube panduan Penggunaan CIDOS


BIL	PERKARA	QR/LINK
1	Cara isi borang Hybrid Blended (BLDT)	 <u>Cara isi borang Hybrid Blended (BLDT)</u>
2	Cara untuk dapatkan status <i>blended</i> LMS CIDOS 4.0	 <u>Cara nak blended LMS</u>
3	<i>Course introduction</i> LMS CIDOS 4.0	 <u>Course introduction LMS</u>

BIL	PERKARA	QR/LINK
4	Create group kelas LMS CIDOS 4.0	 <u>Create group kelas</u>
5	Import Course	 <u>Import Course</u>
6	Login CIDOS 4.0	 <u>Login CIDOS 4.0 Baharu</u>

BIL	PERKARA	QR/LINK
7	Masukkan Fail PowerPoint Ke CIDOS LMS 4.0	 <u>Masukkan Fail PowerPoint Ke CIDOS</u>
8	Muat Naik BLDT CIDOS 4.0	 <u>Muat Naik BLDT CIDOS 4.0</u>
9	Muat naik nota pdf dan jenis file appearance dalam CIDOS LMS 4.0	 <u>Muat naik nota pdf dan jenis file</u>

BIL	PERKARA	QR/LINK
10	Quiz Setup LMS CIDOS 4.0	 <u>Quiz Setup LMS CIDOS 4.0</u>
11	Quiz: Aiken Format LMS CIDOS 4.0	 <u>Quiz: Aiken Format</u>
12	Quiz: Drag & Drop onto Text LMS CIDOS 4.0	 <u>Quiz: Drag & Drop onto Text</u>

BIL	PERKARA	QR/LINK
13	Quiz: Matching LMS CIDOS 4.0	 <u>Quiz: Matching</u>
14	Quiz: Multiple Choice Question (MCQ) Multiple Answer LMS CIDOS 4.0	 <u>Quiz: Multiple Choice Question (MCQ) Multiple Answer</u>
15	Quiz: Multiple Choice Question (MCQ) One Answer Only LMS CIDOS 4.0	 <u>Quiz: Multiple Choice Question (MCQ)</u>

BIL	PERKARA	QR/LINK
16	Quiz: Short Answer LMS CIDOS 4.0 Moodle 3.11	 <u>Quiz: Short Answer</u>
17	Quiz: True False LMS CIDOS 4.0 Moodle 3.11	 <u>Quiz: True False</u>

Sekalung Penghargaan

UCAPAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN
KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SECARA
LANGSUNG SERTA SEMUA PIHAK YANG TELAH
BERKERJASAMA DALAM PENYEDIAAN DAN
PENGHASILAN **MANUAL CIDOS 4.0 - BAGI
PENYELARAS DAN PENSYARAH KURSUS.**

PENULIS:

Siti Zubaidah Binti Md Hamin
(Penyelaras e-Learning JP, PUO)

PENYEMAK KANDUNGAN:

Wan Norina Binti Wan Hamat
(Pen. Penyelaras e-Learning PUO)

MANUAL

CIDOS 4.0 – BAGI PENYELARAS DAN PENSYARAH KURSUS

DISEDAKAN OLEH:

Siti Zubaidah bt Md Hamin
(Penyelaras e-Learning Jabatan
Perdagangan, PUO)

e ISBN 978-629-7635-34-7



9 786297 635347

POLITEKNIK UNGKU OMAR

(online)